



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JKP 315 – Politik Masyarakat Majmuk
JKP 412 – Konflik Dalam Masyarakat Majmuk**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

1. Bandingkan sifat-sifat parti politik etnik dengan parti politik multi-etnik dalam masyarakat majmuk. Analisiskan cabaran yang dihadapi oleh parti politik etnik dalam transformasi kepada parti politik multi-etnik. Berikan contoh-contoh berkaitan, selain Malaysia.
(100 markah)

2. (a) Huraikan proses pembangunan politik dalam negara masyarakat majmuk sebagaimana yang diutarakan oleh Rabushka dan Shepsle (1972).

(b) Bincangkan perkembangan politik Sri Lanka berdasarkan proses pembangunan politik di atas (1965 – 2017).
(100 markah)

3. (a) Terangkan maksud demokrasi *consociational*.

(b) Bincangkan sama ada demokrasi *consociational* masih relevan dalam perkembangan politik masa kini di Belgium, Cyprus dan Lubnan.
(100 markah)

4. (a) Tuliskan perbandingan antara politik permuafakatan yang pernah diamalkan di Fiji dengan politik permuafakatan di Malaysia.

(b) Terangkan analisis pendekatan Marxist dalam menanggapi masalah perkauman.
(100 markah)

5. (a) Jelaskan ciri-ciri masyarakat majmuk yang dikemukakan oleh J.S. Furnivall dan sertakan contoh-contoh berkaitan.

(b) Analisiskan proses modenisasi dan impaknya terhadap sentimen primodialisme.
(100 markah)